

TAWARAN B

**Permohonan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh
Dengan Hadiah Latihan Persekutuan Bagi Mengikuti
Kursus Sarjana Perubatan Sesi Akademik 2021/2022**

Permohonan Tawaran B ini terbuka kepada semua Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia yang memenuhi syarat-syarat permohonan.

**TAWARAN MENGIKUTI PROGRAM KEPAKARAN SARJANA PERUBATAN
DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI
PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI SESI AKADEMIK
2021/2022 DI UNIVERSITI AWAM TEMPATAN**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat am seperti berikut :
 - 1.1. Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;
 - 1.2. Telah berdaftar **penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
 - 1.3. Pegawai perlu lulus Medical Specialist Pre-Entrance Exam (MEDEX) / Entrance Exam tertakluk kepada bidang sebagai salah satu syarat bagi kemasukan Universiti Awam;
 - 1.4. Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya **satu (1) tahun** selepas pendaftaran penuh;
 - 1.5. **Lantikan tetap** dan **telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan**;
 - 1.6. Telah berkhidmat dengan KKM sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** (termasuk latihan siswazah) dan dilantik pada/sebelum **1 Januari 2017**;
 - 1.7. Berumur tidak melebihi **43 tahun** pada **tarikh tutup permohonan**;
 - 1.8. Mempunyai pencapaian sekurang-kurangnya **kredit** Bahasa Malaysia termasuk Ujian Lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
 - 1.9. Pegawai perlu mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi mana-mana tiga (3) tahun yang tertinggi daripada lima (5) tahun terakhir perkhidmatan pegawai (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun);
 - 1.9.1. Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian hanya diberikan kepada Pegawai wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak

melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ditetapkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2014;

- 1.9.2. Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- 1.9.3. **Tidak pernah gagal** atau **menarik diri** daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- 1.9.4. **Tidak pernah menolak tawaran** program Sarjana yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia dalam tempoh **dua (2) tahun** yang lepas;
- 1.9.5. Bebas/bersih daripada sebarang pertuduhan, tindakan tatatertib dan dakwaan Mahkamah;
- 1.9.6. Bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 seperti di **Lampiran A**;
- 1.9.7. Telah mengistiharkan harta;
- 1.9.8. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar atau peminjam yang disenarai hitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain;
- 1.9.9. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan kemudahan cuti belajar kepada pegawai awam yang mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuhnya ;

Syarat Khas Sarjana Perubatan MPH/DrPH Kesihatan Awam / Masyarakat

- i. Pegawai telah berdaftar dalam Program Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam **sebelum tarikh Siaran Iklan Tawaran Mengikuti Kursus Sarjana Perubatan Dengan Biasiswa HLP disiarkan**;
- ii. Pegawai perlu melengkapkan Buku Log Latihan Pra Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam (boleh didapati dalam laman web rasmi KKM);

- iii. Pegawai perlu dicadangkan oleh Pakar Perubatan Kesihatan Awam (cadangan dibuat di belakang Buku Log Latihan);
- iv. Calon perlu pernah menduduki Peperiksaan Medical Specialist Pre-Entrance Exam (MEDEX) **atau** Peperiksaan Basic Public Health Medicine Test (College of Public Health Medicine Academy of Medicine Malaysia), dengan keputusan masih sah dalam tempoh 3 tahun sebelum tahun tawaran kemasukan ke Universiti. Sekiranya calon memilih untuk menduduki kedua-dua peperiksaan, maka markah tertinggi akan dijadikan asas pemilihan.

Syarat Khas Sarjana Perubatan Oftalmologi

- i. Pegawai perlu LULUS *basic science examination* (Oftalmologi) dalam tempoh 3 tahun dan ianya masih sah pada tahun permohonan ini dibuat.

Syarat Tambahan Sarjana Perubatan Orthopedik

- i. Pegawai perlu mempunyai sekurang kurangnya 6 bulan pengalaman dalam orthopedik sebagai pegawai perubatan.

Syarat Tambahan Sarjana Perubatan Anestesiologi

- i. Pegawai perlu menduduki *Entrance Exam* yang di kendalikan oleh Conjoint Board yg terdiri dari Universiti2 tempatan dan KKM. Entrance exam akan dikendalikan oleh USM pada 5/12/2020.

2. Kaedah pengajian adalah seperti berikut :

2.1 Sistem Bersepadu

Menjalani latihan klinikal melalui konsep pusingan penempatan (rotational attachment) sepanjang tempoh pengajian selama empat (4 tahun) di Fasiliti KKM dan Universiti Awam (UA) dengan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

3. Bidang yang ditawarkan HLP oleh Kementerian adalah seperti berikut (tertakluk kepada perubahan) :

- 01 - Sarjana Perubatan Obstetrik & Ginekologi
- 02 - Anestesiologi
- 03 - Pediatrik
- 04 - Perubatan Dalaman
- 05 - Psikiatri
- 06 - Radiologi

- 07 - Surgeri Am
- 08 - Oftalmologi
- 09 - Ortopedik
- 10 – Otorinolaringologi
- 11 - Patologi
- 12 - Perubatan Keluarga
- 13 - Sarjana Perubatan MPH/DrPH Kesihatan Awam / Masyarakat
- 14 - Perubatan Sukan
- 15 - Perubatan Pemulihan
- 16 - Perubatan Kecemasan
- 17 - Neurosurgeri
- 18 - Plastik Surgeri
- 19 - Klinikal Onkologi
- 20 - Pembedahan Kanak-kanak
- 21 - Perubatan Transfusi
- 22 - Perubatan Nuklear
- 23 - Forensik

TAWARAN PROGRAM SARJANA PERUBATAN

1. Tawaran program Sarjana Perubatan dengan HLP adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :
 - 1.1 Hanya Pegawai Perubatan yang **layak tapisan KKM** untuk HLP akan dipertimbangkan untuk mengikuti Program Sarjana Perubatan. **Pegawai Perubatan yang tidak memohon atau melepasi tapisan KKM** walaupun telah ditawarkan tempat pengajian di Universiti Awam **tidak akan dipertimbangkan** sebarang **Cuti Belajar**;
 - 1.2 KKM berhak menentukan penempatan latihan bagi pegawai yang mengikuti latihan secara Sistem Bersepadu di mana-mana hospital KKM yang diiktiraf oleh universiti awam sebelum pengajian sepenuh masa di universiti;
 - 1.3 Surat tawaran hanya dikeluarkan kepada pegawai yang berjaya sahaja oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) melalui Ketua Jabatan masing-masing (Pengaroh Kesihatan Negeri / Hospital / Institusi / Bahagian). **Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti program Sarjana Perubatan ini;**
 - 1.4 Pegawai yang menolak tawaran ini akan **dikenakan penalti 2 tahun** iaitu tidak boleh memohon kemasukan bagi Program Sarjana Perubatan dalam tempoh berkenaan;
 - 1.5 Tempoh masa yang dibenarkan untuk pegawai menarik diri dari pengajian dan dikecualikan dari penalti adalah selama **satu bulan** sahaja selepas memulakan pengajian. **Walau bagaimanapun sekiranya pegawai telah menerima segala elaun / kemudahan seperti elaun perpindahan atau**

tuntutan kargo, pegawai hendaklah membayar semula semua kadar yang telah diterima.

- 1.6 Pegawai yang menerima tawaran ini adalah terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia bagi tempoh **tujuh (7) tahun (atau gantirugi sebanyak RM350,000.00 sekiranya melanggar syarat-syarat di dalam perjanjian)** selepas tamat tempoh latihan.

CARA UNTUK MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL secara atas talian (online) menerusi sistem Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>).
2. Dokumen-dokumen berikut hendaklah dibawa bersama semasa sesi temuduga yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti (**bagi pegawai yang telah berjaya melepasi tapisan pertama**):
 - 2.1 Satu (1) salinan **Borang KKM/HLP-SARJANA PERUBATAN/DALAM NEGARA** (borang permohonan *online*) yang telah dilengkapi dengan segala maklumat diri dan perkhidmatan telah disahkan oleh Ketua Jabatan (Pengarah Kesihatan Negeri/ Hospital/ Institusi/ Bahagian sahaja);
 - 2.2 Laporan Penyokong 1 dan Laporan Penyokong 2;
 - 2.3 Satu (1) salinan **Kenyataan Perkhidmatan** yang telah dikemaskini dan disahkan;
 - 2.4 Satu (1) salinan **Surat Pengesahan Jawatan** daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);
 - 2.5 Satu (1) salinan **Sijil Pendaftaran Penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM); **dan**
 - 2.6 Dokumen sokongan yang lain (contoh : Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, sijil-sijil dan transkrip).

PERINGATAN PENTING KEPADA SEMUA PEGAWAI

1. Tarikh tutup permohonan adalah pada **9 Oktober 2020**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **tidak akan dipertimbangkan**.
2. Pegawai hendaklah memohon secara atas talian (online) melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>).
3. Semakan keputusan pegawai yang **melempi tapan pertama** boleh diketahui pada **13 November 2020** melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Pemakluman keputusan akan diwar-warkan di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my>) dan Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>)
4. Semakan **keputusan penawaran** Hadiah Latihan Persekutuan (**HLP**) boleh diketahui pada **9 April 2021 (tertakluk kepada perubahan)** melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Pemakluman keputusan akan diwar-warkan di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my>) dan Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>)
5. Sila ambil maklum bahawa penerima biasiswa mulai sesi akademik 2012/2013 adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN / PENYELIA

1. Ketua Jabatan / Penyelia adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan / Penyelia untuk memperakukan pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;
2. Ketua Jabatan / Penyelia adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan pada tahun 2021 kelak;
3. Bahagian Pengurusan latihan berhak menolak permohonan yang didapati tidak mengambil tindakan seperti yang digariskan di atas;

Sebarang pertanyaan mengenai tawaran ini, boleh emailkan kepada ehlp@moh.gov.my.

LAMPIRAN A

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- a. Kanser;
- b. Serangan jantung;
- c. *Pulmonary Hypertension*;
- d. Penyakit buah pinggang yang kronik;
- e. Penyakit hati (*liver*) yang kronik;
- f. Hepatitis;
- g. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- h. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- i. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- j. Pemindahan organ utama;
- k. Penyakit Parkinson;
- l. Penyakit HIV atau AIDS atau kedua-duanya;
- m. Pemindahan kaki dan tangan;
- n. Skizofrenia;
- o. Kecederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
- p. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.